




**Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu**

**Semester 1
Sidang Akademik 2020/2021**

HMT 315 SOSIOLINGUISTIK

TUGASAN 1 – 20%

NAMA & GAMBAR	NO KP & NO MATRIK	EMEL & NO TEL
<p data-bbox="177 1128 577 1167">NURUL FIKRAH BINTI AZIZ</p> 	<p data-bbox="614 1128 935 1167">NO KP: 980207115208</p> <p data-bbox="614 1256 911 1294">NO MATRIK: 141428</p>	<p data-bbox="997 1090 1394 1171">EMAIL: nurulfikrah091@gmail.com</p> <p data-bbox="997 1256 1318 1294">NO TEL: 01129436977</p>

Akomodasi & Dialek


NURUL FIKRAH BINTI AZIZ (141428)

Akomodasi

- ✚ Sociolinguistik mempelajari hubungan antara penutur dan pendengar. Oleh itu terdapat pelbagai faktor penentu yang menyebabkan sesuatu Bahasa digunakan. Antaranya ialah aspek Akomodasi itu sendiri
- ✚ Sociolinguistik melihat kepada fenomena akomodasi bahasa sebagai fakta sosial dan meletakkannya dalam sistem simbol (*code*), sistem tingkah laku budaya, dan sistem pragmatik. Oleh itu, kajian sociolinguistik mendedahkan fenomena akomodasi bahasa sebagai wacana dalam komunikasi dan sekaligus menunjukkan identiti sosial dan budaya penutur Bahasa.
- ✚ Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, Istilah Akomodasi ialah cara atau perbuatan menyesuaikan diri dengan orang lain atau dengan persekitaran
- ✚ Mengakomodasikan melakukan penyesuaian supaya sesuatu menjadi selaras atau sesuai dengan keadaan, keperluan dan sebagainya
- ✚ **Contoh umum:** Sebagai masyarakat minoriti, mereka terpaksa mengakomodasikan budaya ibunda dengan budaya tempatan yang lebih menonjol.
- ✚ Menurut pandangan sociolinguistik secara umumnya, istilah "akomodasi" digunakan dalam dua makna. Pertama yang merujuk kepada situasi dan merujuk kepada suatu proses berbahasa.
- ✚ Akomodasi juga merujuk kepada berlakunya keseimbangan (*equilibrium*) dalam interaksi antara individu atau kumpulan masyarakat sosial.

Pendapat Sarjana mengenai Definisi Konsep Akomodasi

**Howard Giles
(1973)**



- Akomodasi yang diterangkan oleh Giles dapat dikaitkan dengan penggunaan dialek.
- Penggunaan dialek telah melihat kepada teori Akomodasi.
- Teori Akomodasi pertuturan adalah salah satu teori komunikasi yang dikemukakan oleh **Howard Giles** dan rakan-rakannya berkaitan dengan penyesuaian interpersonal dalam sebuah interaksi komunikasi.
- Mereka telah mengemukakan teori ini pada tahun 1973, yang berasal dari idea Giles mengenai model "Tindakan mobiliti" yang didasarkan pada berbagai cara berbahasa yang dapat didengar dalam situasi pertuturan.
- Richard & Turner mendefinisikan bahawa Akomodasi sebagai kemampuan untuk menyesuaikan, memodifikasi perilaku seseorang dalam memberi respon terhadap komunikasi orang lain
- Ahli sociolinguistik menggunakan istilah "akomodasi" sebagai makna untuk menggambarkan proses dalam hubungan sosial yang sama dengan makna adaptasi. Istilah "adaptasi" bermaksud proses di mana individu perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran semula jadi mereka seperti penggunaan dialek yang berlaku di sesetengah tempat.

Contoh Dari Pengkaji

Contoh 1

- ✚ Perspektif makna yang dijelaskan dari akomodasi itu secara tidak langsung menjelaskan tentang hubungan individu dan pemilihan dialek disebabkan oleh individu dalam mengadaptasikan perbualan harian mereka mengikut situasi setempat.

Contoh 1:

Sebagai contoh, Pengkaji sebagai rakyat dari Besut, Terengganu telah menggunakan dialek Kelantan sejak lahir hingga dewasa kerana penggunaan Bahasa di Besut mendapat pengaruh Bahasa dari negeri Kelantan. Hal ini demikian kerana, Besut dahulunya merupakan daerah jajahan negeri Kelantan. Tetapi apabila pengkaji melakukan interaksi sosial dengan individu yang berasal dari tempat lain seperti individu yang berasal dari Utara Malaysia, pengkaji akan menggunakan dialek Utara dengan mereka untuk mendapatkan komunikasi yang berkesan. Perkara ini yang dimaksudkan dengan sikap dan perasaan individu dalam mengadaptasikan perbualan harian mereka mengikut situasi. Dengan ini, dapatlah dirumuskan Bahasa penggunaan dialek ini boleh berubah berdasarkan situasi dan sikap adaptasi individu dalam interaksi sesuatu Bahasa

Contoh 2

- ✚ Perkara ini sangat bertepatan dengan konteks sosial, penyesuaian difahami sebagai proses di mana adaptasi dapat dilakukan oleh individu atau kumpulan.
- ✚ Komunikasi antara budaya melibatkan interaksi antara individu yang memiliki persepsi budaya dan sistem simbol yang berbeza dalam berkomunikasi.
- ✚ Keadaan ini dapat dilihat dengan lebih jelas apabila ada individu berpindah dari suatu tempat ke tempat yang baru dan harus menyesuaikan diri dengan lingkungan yang baru. Individu pendatang yang belum memahami budaya *host culture* dan begitu juga *hostculture* yang belum memahami budaya pendatang atau *stranger*.

Contoh 2:

Seorang individu yang mendapat tawaran kerja di negeri Terengganu perlu membiasakan dirinya dengan kehidupan di negeri tersebut sekaligus membiasakan diri dengan gaya Bahasa yang digunakan penduduk setempat dan mengadaptasi dialek tersebut dalam interaksi sosial.

Trudgill (1986)



- Model akomodasi telah memusatkan perhatian kepada cara pertuturan dan cuba menjelaskan mengapa berlakunya keadaan dimana penutur cenderung mengubah cara berbahasa di hadapan orang lain atau di persekitaran baharu.
- Setiap orang mempunyai kecenderungan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka. Persekitaran di sini dapat dijelaskan melalui lingkungan alam, lingkungan ruang, lingkungan waktu, lingkungan sosial, dan pelbagai persekitaran.
- Keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial menjadikan seseorang penutur Bahasa itu menjadikan dirinya sebahagian dari komuniti sosial yang ada
- Oleh itu, mereka dapat berinteraksi, menjalankan Kerjasama, dan hidup Bersama dengan baik.

Contoh Trudgill (1986)

Contoh: Dalam komunikasi dua hala, khususnya dalam komunikasi secara bersemuka. Penutur umumnya mencuba untuk berbahasa seperti persekitarannya. Penutur cuba untuk mempunyai cara berbahasa yang sama dengan lawan interaksinya, baik secara lisan mahupun bukan lisan. Penyesuaian atau modifikasi secara lisan dilakukan oleh penutur dengan mengubah suai bahasa sehingga menjadi hampir sama dengan bahasa yang digunakan oleh lawan interaksinya.

Crystal (1997; 4)



- Akomodasi adalah teori dalam sosiolinguistik yang bertujuan untuk menjelaskan mengapa seseorang individu mengubah gaya pertuturan mereka lebih kurang sama atau sama dengan masyarakat lain.
- Menurut Crystal dan disokong oleh Trudgill, berlakunya pengubahsuaian pertuturan melalui peristiwa **konvergensi** dan **divergensi**.
- Perubahan dalam bahasa berlaku, tetapi perubahan yang dihasilkan adalah berbeza-beza mengikut keadaan
- Perubahan juga berlaku kerana tidak semua pengguna konvergensi dan divergensi mengubah ciri linguistik yang sama hingga tahap yang sama.
- Perubahan yang berbeza ini telah menghasilkan kepelbagaian variasi Bahasa (turut disebut oleh Francis 1983: 15)

Konvergensi dan Divergensi

- ✚ Masyarakat berbahasa sentiasa untuk berkomunikasi dengan cara yang sama dengan masyarakat tutur yang lain agar mendapat tindak balas positif ketika berinteraksi.
- ✚ Namun, begitu, individu yang bertutur ini juga perlu mempunyai pengetahuan tentang Bahasa yang digunakan oleh masyarakat setempat dan strategi untuk memodifikasikan Bahasa dengan betul iaitu dengan cara menggunakan loghat atau dialek Kawasan setempat, cara sebutan dan fonetik yang digunakan.
- ✚ Hal ini dapat dijelaskan menerusi perbincangan di bawah:

	Konvergensi	Divergensi
Akomodasi	Keupayaan untuk mengubah cara berbahasa yang sama dengan lawan tutur	Penggunaan Bahasa yang tidak sama dengan masyarakat setempat bagi menunjukkan perbezaan cara berbahasa
Tujuan	Agar proses komunikasi berjaya dan mendapat tindak balas positif.	Untuk menunjukkan perbezaan terhadap lawan tutur seperti rakan kongsi dalam urusan perniagaan
Contoh Dari Pengkaji	<p>Contoh:</p> <p>Penduduk asal dari Kuala Lumpur datang bercuti di Kelantan dan ingin membeli belah di Pasar Malam Wakaf Che Yeh (Pasar Borong Wakaf Che Yeh, Kota Bharu, Kelantan) telah menggunakan dialek Kelantan untuk mendapatkan harga barang yang lebih murah.</p>	<p>Contoh:</p> <p>Amin dapat menunjukkan perbezaannya untuk mendapatkan kesepakatan ketika berurusan</p>

Asher &
Simpson (1994)



- Teori akomodasi komunikasi adalah kerangka yang dirancang untuk meneliti fenomena dan proses akomodasi yang pada awalnya dikaitkan dengan akibat perubahan bahasa dalam penutur bahasa untuk mendekati atau menjauh dari variasi bahasa masyarakat.
- Penyesuaian ucapan seseorang atau tingkah laku komunikatif lain terhadap tingkah laku orang yang bersama dengannya

Faktor Berlakunya Akomodasi

- ✚ Kesedaran akan adanya perkongsian dan perbezaan dibuktikan oleh proses akomodasi yang berlaku antara pengguna bahasa dari subkelompok yang berbeza, baik yang berdimensi ruang mabupun yang berdimensi sosial, apabila mereka berhubung satu sama lain.
- ✚ Akomodasi bahasa ditakrifkan sebagai proses yang berlaku apabila penutur mencuba menyesuaikan bahasanya dengan babasa pihak yang lain.
- ✚ Akomodasi dapat dilihat apabila penutur-penutur dari sesuatu kawasan dialek tertentu bercakap dengan penutur-penutur dari kawasan yang lain.
- ✚ Darjat akomodasi dari satu pihak ke arab pihak yang lain bergantung kepada berbagai-bagai faktor, antaranya ialah:

- Tempat peristiwa babasa berlaku.
- Perbezaan taraf sosial antara pihak-pihak yang berkenaan.
- Perkara yang diperkatakan.
- Tujuan pertuturan.

Kesimpulan

- ✚ Teori ini dipelopori oleh Howard Giles (1973) dan dikembangkan oleh Trudgill (1986), Crystal (1997).
- ✚ Contoh akomodasi yang dipaparkan merupakan contoh dari pelbagai bentuk penyelesaian konflik komunikasi berbahasa dalam kehidupan seharian.
- ✚ Definisi umum yang sering disampaikan adalah keupayaan penyesuaian diri pihak-pihak yang bertentangan untuk mencipta keseimbangan interaksi sosial.
- ✚ Akomodasi adalah salah satu bentuk asosiatif dari interaksi sosial.
- ✚ Akomodasi dapat difahami dalam dua perpektif iaitu konvergensi dan divergensi.
- ✚ Pada prinsipnya, akomodasi merupakan strategi komunikasi yang banyak dikembangkan dalam bidang sosiolinguistik, untuk menjelaskan bahasa yang digunakan oleh masyarakat setempat

Dialek

- ✚ Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat pula, dialek bermaksud satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial berbeza daripada bahasa standard (2010:348).
- ✚ Dialek merupakan satu bentuk Bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau dari sesuatu kelas sosial berbeza daripada Bahasa standard
- ✚ Dialek juga dipanggil sebagai loghat Bahasa
- ✚ Loghat atau dialek ialah kelainan dalam sesuatu Bahasa yang menjadi ciri satu golongan tertentu dalam kalangan penutur Bahasa.
- ✚ Istilah ini paling biasa digunakan untuk menghuraikan corak pertuturan setempat, tetapi juga ditentukan oleh faktor lain.

Pendapat Sarjana mengenai Definisi Konsep Pemilihan Bahasa

Abdul Hamid Mahmood (1994); Rujukan daripada Mario A. Pei & Frank Gaynor (1954)



- **Dialek** sebagai satu variasi atau kelainan bahasa daripada satu bahasa tertentu **yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa.**
- Mempunyai bentuk tertentu dituturkan dalam sesuatu kawasan yang **berbeza** dari segi **cara sebutan, tatabahasa dan penggunaan kata-kata tertentu**, tetapi perbezaannya tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain
- **Berlaku disebabkan oleh pembentukan subkelompok.** Pembentukan subkelompok pada mulanya berdasarkan kawasan geografi.
- Keseluruhan pertuturan subkelompok yang dikaitkan dengan sesuatu kawasan itu yang dipanggil dan dikenali sebagai dialek atau loghat Bahasa
- **Dialek terbahagi kepada 2 dimensi** iaitu **dimensi ruang** dan **dimensi sosial**

Dimensi ruang

- faktor geografi

Dimensi sosial

- Perkembangan tamadun manusia di seluruh dunia menimbulkan lapisan-lapisan sosial dalam masyarakat yang ditandai dengan perbezaan-perbezaan antara satu lapisan dengan lapisan yang lain dari segi cara hidup sosio masyarakat dan juga tutur kata.
- Tutur kata yang berubah dari satu lapisan kepada lapisan yang lain dikenal sebagai *sociolect* (sosiolek) atau *social dialect*

Contoh Menurut Abdul Hamid Mahmood (1994)

- ✚ Mereka menjelaskan perbezaan antara bahasa dan dialek dengan menggunakan analogi iaitu dengan mengaitkannya dengan perbezaan antara sesuatu yang abstrak dengan yang konkrit.
- ✚ Berdasarkan pandangan ini, seorang penutur sebenarnya tidak menuturkan bahasa, sebaliknya mereka menuturkan dialek daripada suatu bahasa.
- ✚ Maka jelaslah bahawa dialek bukanlah satu bentuk bahasa baharu, sebaliknya suatu variasi atau gaya bahasa yang muncul dari sesuatu bahasa.

Contoh: Bahasa Inggeris, dalam bahasa Inggeris itu sendiri terdapat beberapa dialek antaranya, Standard English British, Standard English American dan Standard English Indian.

Asmah Haji Omar

- Telah membuat beberapa gagasan tentang dialek dan dialektologi Melayu menerusi beberapa tanggapan asas
- Ruang geografi dan ruang waktu yang sama-sama mempunyai peranan dalam pewujudan kepelbagaian dialek dalam sesuatu bahasa.
- Kepelbagaian dialek boleh disebabkan oleh faktor-faktor demografi, sosio-budaya, dan juga sejarah sesuatu kawasan.

Contoh Menurut Asmah Haji Omar

✚ Satu kajian berkaitan dialek telah dijalankan dalam buku *Malaysia Kita*.

- **Contoh: Noriah Mohamed (2001) dalam** kajiannya menjelaskan bahawa kebanyakan penduduk di Kampung Batu Satu Sapintas yang terletak di Mukim Sabak Bernam di Utara Negeri Selangor adalah terdiri daripada masyarakat keturunan Jawa.
- Berlakunya proses transmigrasi secara besar-besaran ke Tanah Melayu dalam kalangan penutur bahasa Jawa.
- Berdasarkan sumber sejarah, kebanyakan anggota masyarakat keturunan Jawa berasal daripada leluhur mereka yang berpindah ke daerah tersebut dalam tahun 1920-an.
- Sejak penghijrahan tersebut, penutur-penutur bahasa Jawa berkenaan tinggal dan seterusnya menetap di kawasan-kawasan pendaratan mereka, terutama di pesisir pantai Negeri Johor, Selangor dan Perak.
- Akhirnya, transmigrasi ini telah menjadi faktor terbentuknya dialek Jawa di Malaysia.

✚ Kepelbagaian dialek dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti demografi, sosiobudaya dan juga sejarah sesuatu kawasan tersebut.

**Matthews &
Holmes (1992:
140)**



- Dialek merujuk kepada kelainan bahasa yang dapat dibezakan secara tegas daripada bahasa yang lain melalui ciri lafaz, kosa kata dan tatabahasa disebabkan oleh kumpulan penutur

**Nik Safiah Karim
(1995)**



- Dialek dirujuk sebagai jenis bahasa yang digunakan dalam percakapan di sesebuah daerah atau bahagian negeri yang mempunyai pelat sebutan khas dan berbeza daripada sebutan standard yang digunakan di negara ini.
- Sebutan bahasa baku merupakan suatu bentuk yang telah dikodifikasi bagi menghasilkan satu variasi bahasa baku yang sempurna dan seragam di bawah Perancangan Korpus Bahasa Melayu.

Contoh dari Pengkaji

Contoh 1: Situasi pengkaji yang berasal dari Besut, Terengganu yang bertutur dalam dialek Kelantan sedang berkomunikasi dengan penutur dari Utara Kedah.

- Pengkaji telah menggunakan Kata Ganti Nama Diri Kedua seperti yang digunakan oleh penutur Utara Kedah
- Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Kedua seperti 'hang' yang bermaksud 'awak', 'kau' dan 'engkau'.
-
- Contoh ayat dalam **dialek Utara Kedah**: "**Hang** nak pi makan pukul berape"
- Contoh ayat dalam **dialek Kelantan**: "**Mung** nok gi makei pukul berape?"

Contoh 2: Pengkaji Bersama dengan penutur dari Negeri Sembilan namun tidak tahu untuk bertutur dalam dialek Negeri Sembilan dan meminta penutur untuk memberi contoh ayat dalam dialek Negeri Sembilan:

- Penutur Bercerita tentang penggunaan ayat dalam dialek Ketika Majlis Perkahwinan
- Menurutny dalam Dialek Negeri Sembilan, kata **'bertandak'** dan **'bertating'** digunakan dalam peristiwa perkahwinan.
- Misalnya, **'bertating'** ialah perlakuan membawa sesuatu di atas tapak tangan, iaitu dulang yang berisi makanan untuk tetamu yang datang. - "Pada hari ini, makanan tidak perlu ditating lagi kerana tetamu harus melayan diri sendiri".
- Peristiwa **'bertandak'** pula merujuk kepada acara tarian yang diadakan pada sebelah malamnya, dengan iringan kumpulan pancaragam secara langsung.
- Peristiwa bertandak ini memang popular sekitar tahun 70-an
- Dengan ini tidak hairanlah kata **'bertandak'** dan **'bertating'** semakin jarang digunakan.

Kepentingan penggunaan dialek

- ✚ Variasi bahasa tersebut dapat memudahkan komunikasi antara penduduk setempat. Oleh itu, semasa berkomunikasi, mereka akan dapat mewujudkan kemesraan antara satu sama lain.
- ✚ Dialek juga dapat membantu seseorang untuk mengenal pasti identiti penuturnya kerana dialek dapat dikaitkan dengan faktor geografi penutur iaitu dari segi tempat kelahiran penutur.
- ✚ Penggunaan dialek ini menyebabkan para penutur dapat membentuk semangat kekitaan dalam kalangan mereka. Dengan kepelbagaian dialek yang ada di negara kita, sudah pasti wujud perbezaan dari segi persepsi, yang disebabkan oleh pemilihan dialek dan lingkungan penggunaannya.

Kesimpulan

- ✚ Dialek adalah salah satu cabang linguistik yang menganalisis dan menghuraikan bahasa dari segi kawasan, sosial, atau tempoh untuk menunjukkan perbezaan sebutan, tatabahasa dan kosa kata, dan penyebaran menurut kawasan.
- ✚ Setiap tempat itu mempunyai dialek yang berbeza yang menjadi simbol kepada simbol kepada kawasan tersebut.
- ✚ Sebagai contohnya sekiranya seseorang itu berbicara dalam dialek Kelantan mahupun Terangganu kita dapat mengetahui asal usulnya melalui perbicaraanya. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat perbezaan kosa kata dan sebutan antara dialek Terangganu dan Kelantan. Sebagai contohnya dialek Terangganu mempunyai perkataan yang berakhir dengan konsonan “ng” manakala dialek Kelantan perkataanya berakhir dengan vokal “e”. Contoh perkataan bagi perbezaan dialek tersebut ialah makang bagi Terangganu dan make bagi Kelantan. Namun begitu, terdapat juga perkataan yang mempunya sebutan dan maksud yang sama.
- ✚ Keadaan dan situasi yang diterangkan ini pula mempunyai hubungkait dengan teori akomodasi yang dijelaskna oleh Howard Giles yang menyatakan tentang proses dalam hubungan sosial masyarakat.

Rujukan

- Abdul Muhid. (2018). Akomodasi sebagai Strategi Menyelesaikan Konflik dalam Sidang Perselingkuhan. *Journal on Language and Literature*. Vol. 5 No.1, 78-84
- Janet Holmes. (2013). *An Introduction to Sociolinguistics: Fourth Edition*. New York: USA.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2020). Nasal Homorganik dalam Dialek Melayu Semenanjung. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. IJHTC Issue 9, Vol 1, 1-23
- Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid & Muhammad Zaid Daud. (2018). Individu dan Pemilihan Dialek: Kajian Kes di Kota Samarahan, Sarawak. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*. Vol. 3, Issue. 3, PP 11-21
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2012). Sikap Dan Kefahaman Pelajar Terhadap Dialek Negeri Sembilan: Kajian Sociolinguistik. *GEMA Online™ Journal of Language Studies 1193*. Volume 12(4), 193-211
- Monaliza Sarbini, Najwa Abdull Manan & Haikal Hammaad. (2019). Unsur Kesalingfahaman dan Ketidaksalingfahaman antara Dialek Kedah dan Dialek Melayu Sarawak. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*. Vol. 1 No. 1, 18-32
- Nik Safiah Karim. (1988). *Sociolinguistik bahasa Melayu dalam pengajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Noriah Mohamed & Aniswal Abd Ghani. (2020). *Sociolinguistik*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.